


**Siri Budaya  
Masyarakat Malaysia**



# **ORANG KADAZAN**

**Siti Razmah Hj. Idris  
Fatimah Azzahra**

*Editor:*  
**Sulaiman Zakaria**



**PENERBIT PINANG**

No. 14, Jalan SS 4/17, 47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7762300/7774678 Fax: 603-7762300

© PENERBIT PINANG  
Cetakan Pertama 1996

ISBN 983-055-073-7 (SET)  
ISBN 983-055-077-X

## AMARAN ATAS HAKCIPTA

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak PENERBIT PINANG.*

## PENERBIT PINANG

No: 14, Jalan SS4/17, 47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7762300/7774678. Fax: 603-7762300

M

857582

*Dicetak oleh: Shian Tai (M) Sdn. Bhd.  
Tel: 3429222 Fax: 3422886*

28 MAY 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PRAKATA

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama. Perbezaan ras dan anutan ini telah mewujudkan unsur-unsur budaya dan adat resam yang pelbagai dan menjadikan budaya Malaysia amat unik. Bagaimanapun, ciri-ciri budaya yang telah diamalkan sejak turun temurun mulai terhakis akibat arus pembangunan dan pemodenan yang melanda negara. Akibatnya, ciri-ciri budaya tradisional tidak dapat dihayati oleh generasi akan datang.

Sehubungan dengan itu, buku-buku dalam Siri Budaya Masyarakat Malaysia ini telah menampilkan secara ringkas kupasan tentang sebahagian daripada ciri-ciri budaya masyarakat yang terdapat di negara ini khususnya yang telah pupus.

Kebudayaan masyarakat Melayu menjadi teras kepada kebudayaan di Malaysia. Adanya pelbagai suku kaum dalam rumpun Melayu telah memperkayakan lagi budaya orang Melayu yang merupakan kaum terbesar dan penduduk peribumi negara ini. Untuk

menjelaskan perbezaan dari segi amalan dan cara hidup, budaya kaum Jawa dan Minangkabau dipilih untuk kupasan.

Kaum minoriti yang terdiri daripada kaum Serani, Sikh, Chitty, Baba Nyonya dan Thai merupakan sebahagian daripada penduduk Malaysia yang turut mempelbagaikan budaya Malaysia. Sekiranya masyarakat Baba dan Nyonya dikategorikan sebagai golongan Cina Peranakan, Masyarakat Chitty pula adalah golongan Hindu Peranakan. Ini jelas menunjukkan suku-suku kaum ini wujud hasil daripada percampuran dua budaya yang berbeza.

Kebudayaan Kebangsaan merupakan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat Malaysia berada bawah satu identiti dan corak budaya yang sama. Justeru itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal dan pelbagai saranan dan pelaksanaan dibuat untuk mencapai maksud tersebut. Untuk itu semua ciri kebudayaan kebangsaan haruslah dihayati bersama supaya membawa hasil yang membanggakan.



## KANDUNGAN

|                   |    |
|-------------------|----|
| Pengenalan.....   | 1  |
| Perkahwinan.....  | 3  |
| Kelahiran.....    | 16 |
| Perayaan.....     | 20 |
| Adat Bertani..... | 23 |
| Perubatan.....    | 26 |
| Kematian.....     | 31 |
| Kesimpulan.....   | 36 |

# PENGENALAN

Negeri Sabah, yang dikenali dengan nama Negeri Di Bawah Bayu mempunyai penduduk yang berbilang suku kaum seperti Sarawak juga. Terdapat lebih daripada 23 suku kaum di Sabah.

Ciri-ciri kebudayaan negeri Sabah amat unik. Keunikan ini disebabkan oleh kepelbagaiannya kaum yang terdapat di Sabah. Kaum

Orang Bajau menetap di pesisiran pantai barat dan timur Sabah terutama di Kota Belud. Mereka berasal daripada Pulau Mindanao dan Sulu, Indonesia dan berhijrah ke Sabah pada abad ke-18. Pekerjaan utama mereka adalah sebagai nelayan dan menternak kuda serta lembu. Mereka merupakan penunggang kuda yang mahir.



*Rumah dusun lutut Sabah*

terbesar yang tinggal di Sabah ialah kaum Kadazan atau Dusun. Ini diikuti oleh kaum-kaum lain seperti Bajau, Murut, Kelabit dan sebagainya.

Orang Bajau yang tinggal di pantai timur dikenali sebagai orang Samal, manakala orang Bajau yang tinggal di pantai barat dikenali sebagai orang Laut.

Berbeza dengan orang Bajau, orang Murut menetap di kawasan pedalaman di bahagian barat daya Sabah khususnya di Tenom, Pensiangan dan Rundum. Mereka tinggal di rumah-rumah panjang dan hidup secara nomad. Kegiatan utama mereka ialah berburu dan memungut hasil hutan.

### Kaum Kadazan

Orang Kadazan terbahagi kepada beberapa puak yang kecil seperti Tuaran Dusun dan Ranau

Dusun. Orang Kadazan atau Dusun tinggal di Lembah Ranau dan Lembah Tambunan di tempat-tempat seperti Putatan, Papar, Tuaran dan Penampang. Kegiatan ekonomi mereka yang utama ialah menanam padi serta menternak.

Orang Kadazan mempunyai kepercayaan, kebudayaan dan adat resam yang tersendiri. Mereka berpegang kuat kepada undang-undang adat sebagai undang-undang yang utama dan dikendalikan oleh Mahkamah Anak Negeri.



Keterangan tentang rumah dusun lutud Sabah

# PERKAHWINAN

## Bentuk Perkahwinan

Bentuk perkahwinan yang diamalkan oleh kaum Kadazan ialah perkahwinan Poligini. Bentuk perkahwinan seperti ini bermaksud seseorang lelaki tidak boleh mempunyai lebih daripada dua orang isteri pada satu masa.

Apa yang dibenarkan ialah seseorang lelaki itu boleh berkahwin buat kali ketiga atau kali keempat sekiranya isteri lelaki itu meninggal atau diceraikan. Dalam hal ini, isteri pertamanya dipanggil *Pinapidan* manakala isteri keduanya dipanggil *Pinapid*.

## Syarat Perkahwinan

Sekiranya seseorang pemuda atau gadis hendak berkahwin, terdapat beberapa batasan yang mesti dipatuhi. Kedua-dua pemuda dan gadis tidak boleh mempunyai hubungan kekeluargaan.

Sekiranya faktor ini tidak diendahkan, perkahwinan itu dianggap labot (sumbang) dan perkahwinan itu menjadi alasu (panas). Apa yang dimaksudkan dengan alasu itu ialah pasangan

tersebut akan mengalami nasib yang tidak baik seperti:

- Anak yang tidak ramai
- Anak yang bodoh atau mengalami kacacatan fizikal atau mental
- Tanaman yang merupakan sumber kehidupan tidak akan hidup subur dan diserang musuh-musuh tanaman

Sekiranya perkara ini berlaku dan kedua-dua pemuda dan gadis masih ingin berumahtangga, suatu adat



Gadis Sabah

mesti diadakan. Adat ini dikenali dengan nama "Monumas" dan bertujuan mengatasi alasu. Adat Monumas ini dijalankan melalui acara memutuskan hubungan kekeluargaan atau "Pintas Kawarisan".


Dalam acara ini, pasangan yang hendak berkahwin dikehendaki mengeluarkan sogit untuk diberi kepada penduduk kampung. Sogit bermaksud menyembelih seekor kambing atau lembu dan daging ternakan itu diagih-agihkan kepada orang ramai. Untuk berumahtangga juga, pasangan pemuda dan gadis terbabit tidak boleh yang kebabaan iaitu bakal mempunyai mertua yang sama dengan adik-beradik yang lain.

Apabila kesemua syarat tersebut dipatuhi, perkahwinan pun boleh dijalankan menurut adat.

### Pemilihan Jodoh

Kedua-dua lelaki dan perempuan bebas memilih pasangan masing-masing tetapi mestilah daripada komuniti luar sebagaimana yang telah dinyatakan tetapi penentuan pasangan adalah hak bersama antara ibu bapa dan anak-anak. Sekiranya terjadi perselisihan faham, pendapat anak-anak sama ada anak lelaki atau pun gadis akan diikuti.

Antara faktor-faktor penting dalam pemilihan jodoh ialah, lelaki atau gadis tersebut mempunyai sifat-sifat seperti berikut:



Kambing sebagai sogit

- a. Rajin
- b. Mempunyai tingkah laku yang baik (olinongkod)
- c. Bertanggungjawab
- d. Bukan daripada keturunan yang mempunyai penyakit yang menular dan turun-temurun.

### Tugas Merisik

Tugas merisik gadis-gadis tertentu untuk dijadikan isteri dilakukan oleh 'ahli utus' sebagai wakil daripada pihak lelaki. Ahli-ahli utus ini ditugaskan untuk berbincang dengan pihak perempuan dalam hal-hal:

- a. Syarat-syarat perkahwinan,
- b. Penempatan selepas berkahwin,
- c. Berian atau noppung yang diminta oleh pihak gadis.

Ahli utus akan sentiasa menyokong cadangan yang dikemukakan oleh pihak lelaki. Sokongan yang diberikan selalunya berkenaan dengan pengurangan nafung dan kelonggaran syarat-syarat perkahwinan.


Wakil daripada pihak gadis di-gelar ‘ahli pembangkang’. Semasa perbincangan dijalankan, seorang setiausaha dilantik untuk mencatat setiap keputusan yang diambil khususnya yang bersangkutan dengan perbelanjaan. Rujukan ini dibuat supaya tidak timbul sebarang perselisihan faham antara kedua-dua belah pihak pada masa akan datang.

Rombongan ahli-ahli utus ini diketuai oleh Ahli Peminang. Ahli Peminang ditugaskan untuk memberi nasihat yang berkaitan dengan urusan peminangan kepada keluarga lelaki.

Tugas untuk memberi nasihat dan membantu pihak lelaki dalam urusan perkahwinan diberi kepada Ahli Perkahwinan. Ahli Perkahwinan ini juga diberi tanggungjawab untuk melantik orang kampung membuat persediaan untuk kenduri seperti menyembelih binatang ternakan, mendirikan khemah tempat jamuan (panggung) dan lain-lain lagi.

Semua individu yang dilantik diwajibkan melakukan tugas masing-masing. Sekiranya engkar, mereka akan didenda. Denda yang dikenakan adalah berdasarkan alasan-alasan yang diberikan.

Mereka yang dilantik untuk tugas-tugas tersebut tidak semestinya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pihak lelaki. Ini akan mewujudkan semangat kesukuan yang kuat.



Ternakan disembelih untuk jamuan



Beras disediakan untuk kenduri kahwin

## Upacara Perkahwinan

Upacara perkahwinan masyarakat Kadazan melalui lima peringkat iaitu:

- a. Mokiatur
- b. Momuwowoi
- c. Momuhaboi
- d. Majlis Perkahwinan
- e. Miatod-atod

### 1. Mokiatur

Sebelum upacara perkahwinan dijalankan, pihak lelaki akan melakukan adat Mokiatur. Adat ini bertujuan untuk mendapatkan kepastian sama ada rancangan perkahwinan itu mendatangkan manfaat ataupun tidak.

Menurut adat ini, ibu bakal pengantin lelaki akan menghubungi isteri kepada Molohingon, (Molohingon merupakan orang lelaki yang lazimnya menjadi ketua dalam hal-hal perkahwinan, perbomohan dan lain-lain) untuk mendapatkan alamat melalui mimpiinya sama ada bakal pengantin perempuan itu layak ataupun tidak untuk dikahwini. Pada kebiasaan, alamat yang diberikan adalah baik.

### 2. Momuwowoi

Momuwowoi bererti merisik. Selalunya pihak perempuan tidak memberi jawapan pada kali pertama kedatangan ahli-ahli utus. Pihak perempuan akan diberi tempoh selama 40 hari untuk memberikan



Nopung selalunya berbentuk wang

jawapan sama ada bersetuju ataupun tidak.

Jumlah wang antara RM 5 hingga RM 10 (menurut kemampuan) diberi kepada gadis sebagai tanda penerimaan atau tidak. Apabila sampai tempoh yang ditetapkan dan si gadis telah bersetuju, kedua-dua belah pihak akan berbincang tentang syarat-syarat perkahwinan dan nopung (berian).

Nopung yang diberikan selalunya sejumlah wang bernilai RM300 sebagai belanja mengadakan majlis, manakala pemberian maskahwin adalah sebanyak RM100.

### 3. Momuhaboi

Momuhaboi bererti meminang. Perlu diketahui bahawa urusan merisik dan meminang hendaklah dilakukan pada sebelah pagi. Rombongan peminangan ini diketuai oleh bapa pihak lelaki atau wakilnya. Pada kebiasaan, Ahli Peminang ini terdiri daripada tujuh orang, iaitu enam orang yang dipilih di kalangan tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan.

Pada kebiasaan keluarga gadis akan berpura-pura berlagak tidak tahu tujuan kedatangan rombongan itu. Oleh itu, pihak lelaki

akan memulakan hajat dengan berkata: "Mongoi Pongombolong" (Pergi menangkap burung) yang bermaksud "Ingin meminang si gadis".


Pihak keluarga si gadis akan menjawab: "Ongdias motiot tombolog dohit asusah kuoh mamagamit" (Burung di sini agak liar, susah bagi kamu menangkap. Ini bermaksud "Gadis itu tidak begitu mudah untuk dipinang".

Akhirnya pihak gadis akan mengalah lalu menerima hadiah pertunangan yang berupa beberapa jenis pakaian seperti kain batik, baju, sarung, tudung, alat-alat solek,

barang-barang kemas dan lain-lain.

Selain itu, dihadiahkan juga sebentuk cincin emas sebagai satu kemestian dan kain-kain putih sebagai alas barang-barang yang dihadiahkan. Cincin emas adalah sebagai simbol pertunangan supaya tidak putus seperti warna emas yang tidak pernah luntur. Kain putih sebagai simbol keikhlasan dan kebulatan hati untuk hidup bersama.

Sebaik sahaja upacara itu selesai, jamuan pun disediakan dan rasmilah pertunangan. Berian atau noppung boleh juga diberikan pada waktu ini atau sebelum upacara perkahwinan dijalankan.



*Cincin sebagai simbol pertunangan*

## Tanggungjawab Dalam Pertunangan

Antara tanggungjawab yang mengikat kedua-dua pihak lelaki dan gadis yang mesti diikuti ialah:



Kaum lelaki tidak boleh mengunjungi tunangnya sendirian di rumah

- a. Si gadis boleh disuruh membasuh dan menjahit pakaian si lelaki, memasak dan melakukan kerja-kerja dapur sekiranya pihak lelaki mengadakan majlis keramaian.
- b. Si lelaki disyaratkan memberi sebanyak RM5 kepada si gadis pada setiap bulan.
- c. Kedua-dua lelaki dan gadis tidak dibenarkan bergaul bebas dan dilarang pergi ke rumah si gadis sekiranya si gadis tinggal bersendirian di rumah.

- d. Kedua-dua lelaki atau si gadis tidak dibenarkan pergi ke tempat-tempat jauh tanpa keizinan tunang mereka. Si gadis juga dilarang menghadiri majlis-majlis sosial seperti perkahwinan atau


sebarang keramaian tanpa izin si lelaki. Ini bertujuan supaya orang lain tidak menggoda gadis tersebut yang telah menjadi tunangan orang.

## 4. Majlis Perkahwinan

Persediaan untuk majlis perkahwinan dilakukan seperti mana kaum-kaum lain dan diadakan di rumah pihak lelaki. Pelbagai persiapan dilakukan oleh kaum keluarga dan sahabat handai beberapa hari sebelum majlis perkahwinan.

Hal ini menjadi tanggungjawab Ahli Perkahwinan untuk memilih beberapa orang tertentu untuk membuat panggung (khemah tempat jamuan). Dua atau tiga orang akan diarah untuk memungut derma daripada setiap keluarga di setiap rumah. Derma yang disumbangkan selalunya berupa beras, gula, kopi dan lain-lain.

Sehari sebelum majlis perkahwinan, pihak lelaki akan menyembelih seekor kerbau dan dihantar ke rumah pihak perempuan sebagai persediaan untuk menjamu



Hadiyah berupa keperluan untuk kenduri

rombongan pihak lelaki dalam upacara Menjemput Pengantin Perempuan.

### **Menjemput Pengantin Perempuan**

Antara yang turut serta ialah Molohingon, bapa si lelaki, saudara mara lelaki termasuk beberapa orang gadis yang sebaya dengan pengantin perempuan. Pengantin lelaki tidak turut serta.

Gadis-gadis ini berperanan untuk mengemasakan barang-barang pengantin perempuan dan menyolekan pengantin perempuan dengan peralatan persolekan yang disediakan oleh pihak lelaki di samping sebagai pengapit bagi si gadis.

Selepas disolek, si gadis akan dibawa keluar untuk sama-sama berangkat ke rumah pengantin lelaki. Beberapa orang wakil daripada pihak perempuan akan turut serta mengiringi pengantin perempuan. Pengantin perempuan akan dipayungi dan dibacakan doa oleh Molohingon yang digelar "Salam Bumi" supaya sentiasa selamat dalam perjalanan.

Pengantin perempuan dinasihatkan supaya memulakan langkah dengan kaki kanan. Semasa dalam perjalanan, Molohingon akan sentiasa berada di hadapan untuk mengelak berlakunya sebarang petanda-petanda buruk.

## Di Rumah Pengantin Lelaki

Setibanya di rumah pengantin lelaki, pengantin perempuan akan disambut oleh beberapa orang gadis. Di sini, pengapit akan bertukar. Pertukaran pengapit ini bermaksud si gadis telah bertukar milik menjadi milik si lelaki. Molohingon akan menaburkan beras kunyit dan pengantin perempuan akan dibawa ke bilik pengantin lelaki oleh beberapa orang gadis tadi.

Wakil perempuan dihadiahkan dengan wang sebanyak RM50 sebagai memohon maaf kerana majlis perkahwinan diadakan di rumah pengantin lelaki. Pengantin lelaki yang tidak turut serta tetapi berada di rumah temannya akan dibawa kembali ke rumahnya semasa upacara membedakkan pengantin.



Kunyit digunakan untuk menguningkan beras.

## Membedakkan Pengantin

Upacara membedakkan pengantin dilakukan pada waktu malam sebelum majlis perkahwinan diadakan. Upacara ini diadakan di rumah pengantin lelaki pada pukul sembilan malam atau selepas solat Isyak. Kedua-dua pengantin akan dibedakkan pada waktu yang sama tetapi di tempat yang berlainan. Biasanya pengantin perempuan akan dibedakkan di dalam bilik.

Pengantin perempuan akan dibedakkan oleh kaum perempuan dan pengantin lelaki oleh kaum lelaki. Bedak yang digunakan dibuat pada waktu yang sama dan diagihkan kepada dua bahagian yang sama banyak untuk kedua-dua pengantin.

Sekiranya agihan tidak sama, adalah dipercayai salah seorang yang mendapat agihan yang sedikit akan pendek umur. Tujuan acara membedakkan pengantin adalah untuk meneguhkan semangat kedua-dua pengantin kerana mereka akan menjadi tumpuan sewaktu majlis persandingan.

Cara membedakkan kedua-dua pengantin adalah sama. Pengantin didudukkan di kerusi dengan tapak tangan diletakkan di atas lutut. Salah seorang teman akan memegang dalam bekas bedak diletakkan. Kemudian seorang demi seorang peserta yang dipilih bergilir-gilir membedakkan pengantin menurut aturan seperti berikut:

- a. Dibedakkan dengan menggunakan jari manis sahaja sebanyak tiga kali supaya akan kelihatan manis semasa bersanding,
- b. Dimulai dengan hujung hidung,
- c. Dikuti kedua-dua pipi, dimulakan dengan sebelah kanan,
- d. Seterusnya kedua-dua telapak tangan, juga dimulai dengan yang kanan.

Selesai sahaja upacara ini, pengantin lelaki akan dibawa semula ke rumah temannya.

### Mandi Subuh

Acara ini akan disertai oleh kedua-dua pengantin. Bagaimanapun, pengantin lelaki akan dimandikan di

rumah tempat dia bermalam manakala pengantin perempuan di rumah pengantin lelaki. Air mandian akan disediakan oleh Molohingon sebanyak dua baldi yang berasingan. Salah satu baldi dicampur dengan beberapa jenis bunga. Kemudian, air-air itu dijampi. Langkah pertama, air bunga dijirus pada kepala hingga habis, kemudian diikuti oleh air biasa.

Tujuan diadakan acara ini adalah untuk menghilangkan sial dan nasib buruk yang akan diwarisi oleh pengantin selain sebagai pemanis dan daya penarik melalui campuran bunga-bungaan.

### Istiadat Akad Nikah

Majlis akad nikah dilangsungkan di rumah pihak lelaki. Pengantin lelaki diarak dari rumah temannya dan




*Bunga dicampur di dalam air mandian*

disambut dengan taburan beras kunyit. Antara tetamu yang hadir ialah imam, wali pengantin perempuan dan dua orang saksi. Pengantin lelaki dikehendaki duduk berhadapan dengan imam.

Majlis akad nikah dimulakan dengan imam membaca khutbah nikah, kemudian pengantin lelaki diminta beristighfar, mengucap dua kalimah syahadah dan berselawat ke atas nabi. Seterusnya Imam akan membacakan satu petikan ayat Al-Quran yang bermaksud:

*"Takutlah kepada Allah s.w.t dan kerjakanlah suruhan Allah s.w.t."*

Lalu dijawab oleh pengantin lelaki, *"Insya Allah."*



Beras kunyit

Imam akan berjabat tangan dengan pengantin lelaki dengan beralas sapu tangan dan kedua-dua ibu jari mereka ditemukan, lalu lafaz ijab kabul dimulakan dalam bahasa Melayu. Lafaznya seperti berikut:



Upacara kini diadakan di masjid

*"Hai... (nama pengantin lelaki), aku nikahkan engkau dengan si.... (nama pengantin perempuan), yang berwali saksikan .... (nama wali pengantin perempuan) kerana Allah s.w.t. dengan mahar sebanyak RM100 tunai / hutang."*

Sebaik sahaja lafaz tersebut dinyatakan, imam akan menggongcang tangan pengantin lelaki, lalu pengantin lelaki menjawab lafaz tersebut, katanya:

*"Aku terima nikah biniku... (nama pengantin perempuan) kerana Allah s.w.t. dengan mahar sebanyak RM 100 tunai /hutang."*

Imam akan bertanya kepada saksi sama ada ucapan tersebut jelas atau tidak. Sekiranya tidak, pengantin lelaki dikehendaki mengulanginya hingga jelas dan disahkan.

Seterusnya pengantin lelaki diminta membaca dan menandatangai lafaz taklik yang telah disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Sabah. Antara taklik atau perjanjian itu, sekiranya suami tidak pulang ke rumah atau tidak memberi nafkah selama tiga bulan, talak satu akan jatuh.

Selesai sahaja upacara akad nikah, pengantin lelaki dibawa ke bilik pengantin perempuan dengan membawa sapu tangan yang digunakan semasa akad nikah. Sapu tangan tersebut dikelilingkan sebanyak tiga

kali pada kepala pengantin perempuan dan dijatuhkan ke atas ribanya, lalu diambil dan dicium oleh pengantin perempuan sebagai simbol berjabat tangan dan bahawa perempuan itu benar-benar bersetuju dan tiada paksaan untuk berkahwin.

Kedua-dua pengantin kemudiannya dibawa keluar lalu duduk di hadapan para tetamu. Pengantin lelaki didudukkan di sebelah kanan pengantin perempuan, lalu imam pun berdoa semoga pasangan pengantin itu bahagia. Seterusnya pasangan pengantin itu bersalaman dengan para tetamu sebelum menikmati jamuan dengan diikuti oleh tetamu.



Hadiyah berupa wang

### Jemputan Jamuan Makan

Para jemputan yang diundang terdiri daripada penduduk kampung yang bersebelahan dan yang jauh. Para jemputan yang datang tidak semestinya mendapat undangan

secara rasmi daripada pihak atau keluarga pengantin perempuan, kecuali ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Sekiranya ada jemputan yang tidak hadir, pihak tuan rumah dikhawatir akan berkecil hati dan kemungkinan besar akan mengambil tindakan yang sama sekiranya ada antara mereka yang akan melangsungkan perkahwinan kemudian hari.

Para jemputan tidak semestinya membawa hadiah kerana keda-tangan mereka sudah dianggap sebagai hadiah. Selalunya, hadiah yang diberi berupa wang yang bernilai antara RM1 hingga RM10.

## Bersanding

Majlis persandingan kebiasaannya diadakan pada pukul tiga atau empat petang. Pada masa itu, pasangan pengantin akan memakai pakaian yang istimewa, kebiasaannya pakaian tradisional dan dihiasi dengan pelbagai hiasan. Kedua-dua pengantin mempunyai pengapit. Pengapit lelaki bagi pengantin lelaki dan pengapit perempuan bagi pengantin perempuan.

Pasangan pengantin itu kemudiannya didudukkan pada kerusi yang telah dihias dan di tempat yang dibina khas, dengan kedudukan lelaki di sebelah kanan pengantin perempuan.

Semasa majlis persandingan dijalankan, beberapa jenis alat muzik tradisional dimainkan seperti Sompoton dan Bungkau sebagai lambang merasmikan perkahwinan.

Pada waktu malamnya pula, diadakan majlis tari menari dan diundang pasukan pancaragam menurut kemampuan masing-masing. Pada malam itu, pasangan pengantin masih tidak dibenarkan tidur bersama. Kedua-dua mereka akan tidur bersama teman-teman masing-masing.

## 5. Miatod-atod

Selepas tiga hari daripada upacara bersanding, rasmilah pasangan pengantin tersebut sebagai suami isteri. Suami isteri itu akan menjalani satu adat yang dinamakan Miatod-atod atau bertandang ke rumah pengantin perempuan buat kali pertamanya.


Pada waktu itu, ramai keluarga pihak perempuan yang datang untuk berkenalan dengan pengantin lelaki. Pada masa itulah pengantin lelaki akan mengetahui gelaran-gelaran yang akan digunakan terhadap kaum keluarga pihak perempuan.

Pasangan pengantin itu akan tinggal di rumah pengantin perempuan sekurang-kurangnya sehari semalam atau bergantung kepada kesanggupan mereka berbuat demikian.

# KELAHIRAN

Mengandung memang sentiasa dinanti-nantikan oleh setiap pasangan termasuk ahli keluarga mereka. Bagi masyarakat Kadazan, ketika anak masih di dalam kandungan, ibu bapanya sudah terikat dengan pelbagai pantang larang untuk kebaikan dan kesempurnaan anak. Antara pantang larang itu termasuklah:

- a. Ibu bapa anak tersebut tidak boleh mengerat atau memotong sesuatu benda
- b. Ibu bapa tidak boleh mengikat atau menyimpul sesuatu



Buah tembikai mengandungi air

- c. Si bapa tidak boleh bergunting rambut, kononnya anak di dalam kandungan akan berambut panjang
- d. Si ibu tidak boleh makan buah-buahan yang mengandungi air
- e. Si bapa tidak boleh meniup seruling atau alat-alat bunyian lain kerana dikatakan anak itu akan menangis apabila lahir kelak. Bagi yang melanggar pantang, dikehendaki membayar sogit (denda) kepada si anak berupa seruling atau alat bunyian lain yang ditiuinya dahulu.
- f. Si bapa tidak boleh mencucuk hidung kerbau, kononnya anak yang lahir akan berbibir sumbing.
- g. Bapa tidak boleh menyiat telinga lembu atau kerbau untuk dibuat tanda, kerana telinga si anak akan menyerupai telinga binatang yang disiat.

## Perbidanan

Seorang bidan (Manninikau) telah ditetapkan terlebih dahulu untuk menyambut kelahiran bayi. Dalam masyarakat Kadazan, kedudukan bidan amat tinggi dan dihormati. Bidan tidak terikat dengan upah, tetapi hubungannya dengan anak

yang disambut adalah bertalian batin dan akan dikenang seumur hidup. Bidan juga amat mahir dalam hal-hal perubatan tradisional, menghalau roh jahat dan lain-lain.

Sebaik sahaja anak dilahirkan, tali pusat dikerat dengan sembilu buluh (mengorot do pusod). Sembilu ialah kulit buluh yang tajam. Mannikau bertanggungjawab ke atas ibu dan anak yang dilahirkan selama tujuh hari. Pada hari ke tujuh, diadakan upacara memotong rambut anak yang dinamakan memugar oleh bidan terbabit.

Keluarga si ibu akan memberi sedikit pemberian kepada bidan yang terdiri daripada tiga jenis benda, iaitu himpogot, gonop dan duit. Himpogot ialah sejenis rantai

pinggang yang diperbuat daripada tembaga atau perak, khusus dipakai oleh perempuan Kadazan dan gonop pula ialah seela kain hitam yang belum dijahit. Wang tunai pula berjumlah RM3.

Sekiranya bidan mendapat kemalangan, luka dan sakit dalam tempoh tujuh hari itu, dia dikatakan kena kepanasan. Bidan itu mesti dibayar sogit untuk membuang bahayanya. Sogit terdiri daripada secupak beras dan wang tunai 10 sen.

### Pantang Bagi Ibu

Pantang larang yang dikenakan ke atas ibu ketika ini lebih banyak dan keras berbanding semasa si anak di dalam kandungan. Jumlah hari berpantang berbeza-beza menurut kasta. Bagi orang kebanyakan, berpantang selama tujuh hari, bagi yang berdarjat selama 21 hari dan yang lebih tinggi darjatnya selama 44 hari. Selama si ibu berpantang, si bapa tidak boleh berada jauh dari rumahnya.

Dalam tempoh berpantang, si ibu dan anaknya dikawal dengan bacaan-bacaan mantera supaya tidak diganggu oleh roh-roh jahat. Di sekitar tempat darah mengalir ketika kelahiran digantung dengan daun-daun limau yang berduri kerana dikatakan hantu polong akan datang menghisap darah. Polong ialah hantu



Beras sebagai sogit


## Adat dan Cara Menamakan Anak

yang hanya berkepala dan bertali perut.

Bagi si ibu, dia dikehendaki mengelakkan diri daripada makan makanan berikut:

- a. Daging,
- b. Ikan bertulang keras,
- c. Ikan yang berduri,
- d. Ikan yang mempunyai bisa,
- e. Nasi sejuk,
- f. Bubur (nasi bercampur air),
- g. Ayam.

Dalam tempoh tujuh hari, si anak masih belum boleh dibawa keluar dari bilik untuk mengelakkan daripada gangguan roh jahat (Rogon Gaiyoh).



Ayam tidak boleh dimakan

Bidan yang menyambut anak (Manninikau) akan memberi nama sementara kepada bayi. Sekiranya nama sementara tidak diberi dengan segera, Rogon Gaiyoh akan mendahuluinya dan berhak menuntut untuk memiliki anak itu. Ini bermakna Rogon Gaiyoh sudah menguasai semangat anak itu.

Pada hari kelapan, barulah si anak itu diberi namanya dan pada ketika itulah si anak dibawa keluar buat pertama kalinya. Semua keluarga, jiran dan orang kenamaan di kampung dijemput bersama untuk berbincang dan menentukan nama anak.

Nama yang dipilih adalah berdasarkan perhitungan daripada segala peristiwa ketika si anak dilahirkan atau daripada nama salah seorang keluarga yang sudah agak jauh. Contoh peristiwa yang diambil kira dan nama yang diberikan ialah:

- a. *Kinduah*, iaitu nama bagi lelaki kerana si anak dilahirkan pada hari kedua (Ko-Iduh) dalam hari bulan Kadazan.
- b. *Kambadih*, iaitu nama bagi perempuan kerana si anak dilahirkan pada hari pasar (Badih).

## Adat Turun Tanah

Setelah si anak berumur sebulan, diadakan adat yang dinamakan Mintuhun atau Minuhun. Adat ini agak serupa dengan adat menjejak tanah di Semenanjung Malaysia. Apabila hendak menjejak tanah, anak itu akan dibawa sendiri oleh ibunya bersama-sama sebuah berait (bakul yang dianyam daripada rotan yang diraut halus, bertutup dan bertali untuk disandang yang diisikan pelbagai peralatan).

Selain itu, dibawa juga sebilah memadik iaitu sebilah pisau kecil yang akan digunakan untuk menghalau Rogon Gaiyoh.

Ibu itu juga dikehendaki membawa serangkai Komburongoh iaitu jerangau yang biasa digunakan dalam perubatan tradisional serta siud atau tangguk yang diperbuat daripada jaring.

Sebelum kaki anak itu dipijakkan ke tanah, tapak kaki dan dahinya diconteng dengan arang daripada kuali atau belanga. Semasa kaki anak itu dipijakkan, si ibu akan membaca mantera menandakan si anak itu sudah tidak terikat lagi dengan pantang. Semasa naik semula ke rumah, si ibu itu membawa bersama rumput-rumput dari halaman untuk dicampurkan ke dalam air mandian si anak.




Rumput dicampur di dalam air mandian

# PERAYAAN

## Pesta Kaamatan

Pesta Kaamatan merupakan pesta yang popular yang diadakan di Sabah oleh masyarakat Kadazan, Dusun dan Murut. Pesta ini diadakan pada setiap 1 Mei sebagai tanda kesyukuran dan penghormatan kepada semangat padi (Bambarayon) kerana mendatangkan hasil yang lumayan.

Kemuncak kemeriahinan perayaan tersebut diadakan dalam masa dua hari di Hongkod Koisaan di Panampang, Sabah. Sambutan



*Semangat padi dipuja*

Perayaan Pesta Kaamatan diisikan dengan dua upacara penting, iaitu:

1. Upacara Magavau
2. Upacara Unduk Ngadau

### 1. Upacara Magavau

Menurut kepercayaan tradisi, Semangat Padi atau Bambarayon akan terganggu dan akan mengakibatkan hasil padi yang kurang memuaskan kerana beberapa keadaan:

- a. Bencana Alam
- b. Pengacau
- c. Kegagalan Petani

Oleh yang demikian, untuk memulihkan keadaan ini, acara Magavau diadakan. Dengan kata lain, Magavau dilakukan bagi mengembalikan semula apa yang telah hilang. Upacara Unduk Ngadau ini dilakukan oleh paderi perempuan yang tertinggi (Bobolian) dan para pembantunya melalui tarian untuk membawa Bambarayon yang sesat dengan selamat.

Bagi memulakan tarian, paderi dan pembantunya bergerak dalam satu barisan yang berpecah-pecah di antara satu sama lain. Pergerakan

menjadi lebih pantas dan mereka akan merapati antara satu sama lain. Dalam waktu ini, Bobolian dan pembantunya akan memasuki semangat bumi untuk mencari Bambarayon.

Bobolian akan menjerit (Pangkis) dengan nyaring, menandakan Bambarayon yang tersesat telah dijumpai. Oleh yang demikian hasil, tanaman yang memuaskan akan dinikmati pada musim menuai yang akan datang.

Sebaik sahaja selesai upacara memberi hormat kepada Bambarayon, Pesta Makanan diadakan. Makanan-makanan yang dihidangkan adalah makanan-makanan tradisional orang Sabah seperti bubur ayam, telur, daging dan

tapai beras yang diperbuat daripada beras yang terbaik.

Makanan yang berupa sayuran hijau tidak dihidangkan (kecuali tapai) kerana sayuran hijau dikatakan tidak menghormati kedatangan Bambarayon.

Selain upacara yang telah disebutkan, Pesta Kaamatan dipenuhi dengan acara-acara keagamaan, permainan alat-alat muzik tradisional, nyanyian dan tarian sebagai tanda kegembiraan dan untuk memeriahkan majlis.

## 2. Unduk Ngadau

Unduk Ngadau atau juga disebut oleh masyarakat Kadazan sebagai



Para peserta Unduk Ngadau

Noon Sun merupakan satu upacara bertemakan pengorbanan. Upacara ini diadakan bagi memperingati pengorbanan yang dilakukan oleh Kinoingan (Tuhan) kerana mengorbankan anak gadisnya Huminodun kepada manusia yang disayanginya.

Pengorbanan ini dilakukan dengan harapan supaya manusia akan mendapat hasil tanaman yang subur untuk keperluan hidup mereka. Butir-butir pengorbanannya adalah seperti berikut:

- a. Kepalanya untuk menyuburkan pokok kelapa
- b. Dagingnya untuk menyuburkan tanaman padi
- c. Darahnya untuk menyuburkan padi merah
- d. Jarinya untuk menyuburkan halia
- e. Giginya untuk menyuburkan tanaman jagung
- f. Lututnya untuk menyuburkan pokok keladi

Sebagai wasiat daripada anaknya, Kinoingan dan isterinya Suminundu mengadakan upacara secara besar-besaran untuk menghantar Huminodun ke syurga (Hibabou). Oleh yang demikian, untuk memperingati pengorbanan tersebut, Unduk Ngadau diadakan.

Sebenarnya, upacara Unduk Ngadau ini merupakan satu pertandingan untuk mencari gadis tercantik

di kalangan masyarakat Kadazan / Dusun. Kecantikan yang dimiliki hendaklah sebagaimana yang dimiliki oleh Huminodun, iaitu dari segi rohani dan fizikal. Pertandingan ini merupakan kemuncak kepada Pesta Kaamatan.

Semasa upacara tersebut, Kinoingan akan bangkit semula dan muncul melalui pasu besar yang digunakan untuk menyimpan padi yang telah dibanting. Kemunculan Kinoingan sebagai menambahkan kegembiraan dan kemeriahan. -



Jari Huminodun menyuburkan halia

Pada ketika itu, Kinoingan berusaha untuk mengatasi kesedihan terhadap anak gadisnya dengan bermain serunai yang diperbuat daripada buluh. Serunai ditiup menurut irama yang tertentu sambil menyeru-nyeru nama anaknya.

# ADAT BERTANI

Orang Kadazan percaya bahawa padi mempunyai semangat. Oleh yang demikian, sebelum bercucuk tanam hingga masa menuai terdapat pelbagai adat dilakukan. Ini bertujuan supaya padi mengeluarkan hasil yang baik dan tidak diganggu oleh makhluk-makhluk perosak.

## Watu Persumpaan

Watu persumpaan ialah sebuah batu yang agak besar ditempatkan di tengah-tengah sawah. Watu persumpaan atau Batu Persumpahan yang ada di sawah-sawah berkenaan ada yang dikenal pasti telah berumur lebih seratus tahun.

Batu ini berperanan sebagai memperingati perjanjian yang dilakukan oleh nenek moyang mereka untuk membuka tanah berkenaan bagi tujuan pertanian. Perjanjian itu diadakan dengan hantu, syaitan dan jin yang tinggal di kawasan tersebut supaya tidak mengganggu tanaman mereka.

Semasa persumpahan itu diadakan, batu itu dijampi dan ditiskan dengan darah ayam atau darah babi. Ini bertujuan untuk memberi makan hantu dan para penunggu.

## Patung sawah

Di tengah-tengah sebahagian besar sawah-sawah di kawasan penempatan orang Kadazan, terdapat sebuah patung yang diperbuat daripada kayu. Patung ini berukuran lebih kurang satu meter tinggi dan menyerupai wajah seorang perempuan.

Patung ini diletakkan sebagai lambang tuan punya sawah berkenaan yang mati tetapi tiada anak untuk mewarisi tanah sawah berkenaan.



Kini hantu tidak mengganggu sawah lagi

Upacara pengkebumian tuan punya sawah yang telah mati diadakan secara istimewa atau dikenali dengan *minagang*. Seekor kerbau disembelih untuk dimasak dan dijamu kepada orang ramai. Patung tersebut dibuat dan diletak di tengah-tengah sawah oleh keluarga terdekat si mati.

### Guris

Guris ialah sebuah tajak kecil yang digunakan oleh orang Kadazan untuk

Selain itu, sebagai melambangkan kekeramat guris dipanggil dengan panggilan *Taki Mohoing* atau Nenek Tua.

Semasa upacara pemujaan dijalankan, setiap penduduk kampung membawa satu put padi, setempayan tapai dan makanan untuk jamuan. Padi-padi dikumpulkan lalu dijampi dengan diiringi pukulan gong dan gendang. Tok Pawang akan mengetuai upacara dengan meyembah-yembah tajau serta menari-nari tarian Sumazau (tarian



Sawah padi

menyimpan biji benih padi. Sebelum menyemai benih padi, terlebih dahulu orang Kadazan bermesyuarat untuk menetapkan tarikh upacara memuja guris. Mereka mengaggap guris mempunyai keramat. Oleh yang demikian, guris amat dihormati dan hanya dimiliki oleh orang-orang yang tertentu seperti ketua-ketua suku.

kebangsaan Kadazan) sambil memegang satu put padi.

Setelah selesai, upacara jamuan pun diadakan. Segala sisa makanan akan dibawa pulang dan ditaburkan di kawasan tapak semaian mereka. Selepas itu, barulah biji benih padi boleh disemai.

## Menanam Padi

Tidak lama selepas padi disemai, satu upacara sebagaimana memuja tajak diadakan. Pada kali ini, setiap orang akan membawa seikat semaihan padi yang telah agak panjang. Ikatan-ikatan berkenaan dikumpulkan lalu dijampi oleh Tok Pawang sebelum ditanam di tanah sawah.



Padi ditapak semaihan

## Padi Masak

Semasa padi sedang masak, satu upacara diadakan supaya padi terus subur dan terhindar daripada penyakit.

Upacara ini dijalankan secara perseorangan, tidak seperti upacara-upacara lain yang memerlukan penyertaan ramai. Tok Pawang akan dipanggil untuk mengelolakannya di tengah-tengah sawah.

Bahan-bahan persembahan berupa dua ekor ayam (jantan dan betina), satu put beras, tujuh helai daun sirih dan sebotol tapai. Bahan-bahan ini akan dijampi selama beberapa jam. Ayam disembelih untuk dimakan. Bulu-bulu ayam dan daun sirih dibiarkan di tengah-tengah sawah. Setelah itu, jamuan makan diadakan di rumah tuan punya sawah. Ayam dan tuak yang digunakan tadi dihidangkan juga.

## Menuai Padi

Kerja-kerja tuaian dilakukan dengan penuh peraturan. Seikat padi dituai lalu dibahagi tujuh. Ketujuh-tujuh bahagian berkenaan disimpan di dalam ketawai. Ketawai ialah raga yang diperbuat daripada kulit kayu. Padi-padi yang telah dituai diletakkan di dalam kepuk padi yang tidak boleh dimasuki dalam masa sehari sebaik sahaja selepas menuai.

## Selepas Menuai

Setelah kira-kira tiga bulan, guris akan disembah sekali lagi. Bahan-bahan seperti telur masak dan tapai digunakan. Pelbagai keramaian diadakan untuk menyambut kejayaan tanaman padi yang menguntungkan. Hari seumpama ini disambut oleh seluruh rakyat dan dijadikan cuti umum. Hari inilah yang dinamakan Pesta Kaamatan yang disambut setiap tahun dalam bulan Mei.

# PERUBATAN

## Punca Penyakit

Setiap penyakit yang menyerang orang Kadazan dipercayai akibat perbuatan dan gangguan makhluk-makhluk ghaib dan hantu syaitan yang wujud di dalam hutan, dan di pokok-pokok atau batu besar. Selain itu mereka juga percaya bahawa penyakit juga akibat perbuatan sindaat. Sindaat samalah ertinya dengan sihir yang dilakukan oleh seseorang supaya seseorang yang lain jatuh sakit.

## Peranan Dukun


Apabila seseorang itu jatuh sakit, dukun akan dipanggil oleh waris si pesakit. Dukun di kalangan orang Kadazan selalunya terdiri daripada orang perempuan. Untuk mengubati sesuatu penyakit, dukun akan menjampi menggunakan beberapa pantang larang kepada si pesakit dan menyediakan ubat-ubatan bergantung kepada penyakit yang diderital.

Ubat-ubat yang disediakan terdiri daripada beberapa bahan asas, iaitu:

- c. Lipas
- d. Kumbang
- e. Tikus
- f. Pisang hutan
- g. Kulit langsat
- h. Akar pinang
- i. Akar rotan dan
- j. Akar nibung.

## Cara Mengubati Sampukan Hantu

Sebelum mengubati pesakit, dukun yang dipanggil akan mengadakan upacara menjamu hantu atau penunggu di tempat-tempat yang



*Ular Sawa*

- a. Ekor ular sawa
- b. Minyak ekor tenggiling

disyaki berpuaka dan menjadi punca penyakit.

Bahan-bahan persembahan terdiri daripada seekor ayam, seekor babi dan beras kunyit yang disediakan oleh keluarga si pesakit. Bahan-bahan berkenaan dibawa ke bawah pokok atau tempat-tempat yang berpuaka. Dukun akan membaca jampi mantera untuk memanggil hantu bagi membantu menyembuhkan penyakit si pesakit.



Pokok besar menjadi tempat pemujaan

Selepas menjampi, beras kunyit, darah ayam dan babi yang disembelih termasuk jantung dan paru-paru ayam dan babi diletak di dalam buluh. Buluh yang berisi barang-barang tadi diletak di atas batu atau di bawah pokok yang berpuaka dengan diiringi jampi mantera supaya hantu itu berjamu.

Kemudian, dukun akan berjalan pulang tanpa menoleh ke belakang. Ayam dan babi dibiarkan supaya hantu dapat menurunkan jampi dan mantera kepada bangkai binatang itu. Setelah setengah jam, barulah kedua-dua bangkai itu dibawa ke rumah pesakit.

Darah ayam dan babi yang dibawa pulang akan dipalitkan pada seluruh badan si pesakit. Babi akan digantung antara dua batang kayu untuk disalai. Semasa dibakar, tiada seorang pun dibenarkan bercakap perkara yang tidak baik kerana perbuatan ini akan mengurangkan kemujaraban jampi hantu tadi.

Mereka juga ditegah daripada ketawa kerana dianggap mewujudkan suasana riang walaupun ada orang yang sakit. Mereka yang ketawa

ketawa dikenakan sogit (denda) yang berupa seekor ayam.

### Mengubat Sakit Kepala

Untuk mengubat sakit kepala, sedikit kapur akan dimasukkan ke dalam mangkuk dan dipotong-potong oleh dukun dengan sebilah pisau. Dukun akan membaca jampi yang berbunyi:

"Tawarku akan menjadi tawar,  
Tawarku bisa akan menjadi tawar,  
Turun kau sakit naik kau tawar."

Kapur itu kemudiannya dipalitkan pada kepala si pesakit. Si pesakit dikenakan pantang larang tidak dibenarkan mandi atau terdedah kepada angin selama tiga hari. Dalam waktu itu juga, pisau yang

digunakan tidak boleh dipegang oleh sesiapa dan mangkuk itu hendaklah dijaga supaya tidak pecah. Sekiranya syarat-syarat ini dilanggar, di percayai penyakit itu akan bertambah teruk.

### Mengubat Sakit Jantung

Beberapa bahan diperlukan untuk mengubat sakit jantung. Bahan-bahan yang diperlukan ialah seekor ayam jantan, tujuh batang duri limau kapas, tujuh batang akar buluh, sebuah bulu ayam jantan dan sebuah mangkuk putih.

Bulu ayam, duri limau dan akar buluh dibakar di dalam mangkuk putih lalu dijampi. Abu daripada bahan bakar tadi dipalit pada kaki si



Sayur labu tidak boleh dimakan

pesakit hingga muka secara terus menerus. Sekiranya tidak dilakukan, si pesakit dikatakan akan bertambah dan tidak akan sembah.

Si pesakit tidak dibenarkan minum minuman panas, makan sayur-sayuran seperti labu dan kundur serta tidak dibenarkan mandi selama tiga hari. Ayam dan parang yang digunakan akan dihadiah kepada dukun oleh waris si pesakit.

### Memanggil Semangat

Bagi seseorang yang pucat tubuh badan, kurang selera makan atau selalu terkejut dan mengigau ketika tidur, mereka dipercayai telah hilang semangat. Untuk mengatasi masalah itu, peranan dukun amat perlu untuk kembalikan semula semangat yang telah hilang.

Antara bahan-bahan yang digunakan untuk tujuan ini ialah jantung pisang, pisang hutan dan limau kapas. Darah babi digunakan untuk dilumurkan pada bahan-bahan terbabit.

Upacara dimulakan dengan memukul gong dengan menghadap ke arah matahari terbit selama kira-kira 20 minit dan kemudiannya beralih pula ke arah matahari tenggelam. Dalam waktu yang sama, orang ramai yang berada di bawah rumah diarahkan supaya memukul anjing supaya anjing-anjing itu menyalak.

Dukun akan membaca jampi dan mantera lalu menggoyang-goyangkan gonding (sejenis alat yang boleh mengeluarkan bunyi apabila digoyang). Acara ini terus berjalan dari senja hingga ke pagi.

Pagi esoknya, tangga rumah dinaikkan dan disandar pada dinding rumah. Seekor babi dibunuh dengan dicucuk rusuknya dengan buluh yang tajam. Darah babi diisikan dalam bekas. Ini diikuti dengan seekor ayam, dan darahnya diisikan ke dalam bekas yang sama. Daging babi dan ayam akan dimasak untuk dimakan beramai-ramai.

Sambil menjamu selera, mereka dikehendaki ketawa kerana dengan bunyi ketawa, semangat si pesakit yang hilang akan kembali. Dalam waktu yang sama, dukun akan menyentuh gonding yang digoyang-goyangkan pada setiap kepala orang ramai dan diakhiri dengan kepala si pesakit.

Dukun berkenaan akan dihadiahkan dengan dua meter kain putih, sepasang subang dan sepasang gelang tangan daripada perak.

### Monsudu

Upacara monsudu akan dijalankan untuk memastikan sama ada si pesakit boleh sembah atau tidak. Upacara ini dijalankan pada waktu malam dalam suasana yang gelap.

Dukun akan mula menjampi dengan berrama selama beberapa minit dan bercakap sendirian dengan bahasa yang tidak dapat difahami. Tidak lama kemudian, dukun itu mulai tidak sedarkan diri dan dipercayai telah dimasuki hantu. Pada waktu ini, orang yang tertentu bertanya sama ada si pesakit yang hendak diubati itu boleh disembuhkan atau pun sebaliknya.


### Mogombirouh

Mogombirouh adalah berupa alamat-alamat yang akan kelihatan sebagai tanda akan berlaku kematian. Apabila salah satu mogombirouh ini timbul, maka para waris si pesakit

akan mengorbankan harta seperti binatang-binatang ternakan supaya si pesakit dapat diselamatkan dengan memanggil dukun yang handal untuk mengubat.

Mogombirouh adalah seperti berikut:

- a. Roh si pesakit menjelma menyerupai lembaga
- b. Terdengar bunyi-bunyi yang aneh
- c. Mimpi buruk, seperti
  - i. Kerbau sakit lalu mati
  - ii. Hilang gigi
  - iii. Perahu yang dinaiki tiba-tiba karam
  - iv. Digigit anjing hitam
  - v. Matahari tenggelam



*Mimpi matahari tenggelam sebagai Mogombirouh*

# KEMATIAN

Apabila salah seorang meninggal dunia, semua penduduk kampung akan diberitahu dan mereka hendaklah meninggalkan semua kerja-kerja yang dilakukan pada hari pengkbumian kecuali jika kematian

## 1. Berjaga-jaga

Jasad mayat akan dimandikan dan dipakaikan dengan pakaian yang cantik dan direnjis dengan wangian. Sekiranya semasa hayat si mati



Bekerja adalah dilarang pada hari kematian

berada di tempat yang jauh. Orang Kadazan percaya bahawa sekiranya kerja itu tidak ditinggalkan terutamanya kerja menanam padi, sial si mati akan mempengaruhi pekerjaan yang dilakukan.

Adat kematian adalah seperti berikut:

menghisap cerut, maka cerut diletakkan di mulut si mati. Mayat itu kemudiannya disimpan selama tiga hingga tujuh hari.

Dalam tempoh itu, semua isi rumah hendaklah berjaga. Sesiapa yang tertidur akan disiram dengan air. Ini bertujuan menghalang iblis yang menyerupai burung

menerbangkan mayat berkenaan. Makhluk ini dinamakan *Penda'atan*.

Bagi mengelakkan kejadian itu, kain-kain disangkut di sekeliling mayat. Suasana rumah pada ketika ini mestilah sunyi dan tiada seorang pun dibolehkan bercakap kasar atau marah. Untuk menghilangkan kesunyian, mereka dihiburkan dengan paluan gong secara perlahan (surabaya) tiga kali dalam sehari, iaitu pada ketika matahari tenggelam, matahari terbit dan pada waktu tengah malam.

## 2. Meginupus

Meginupus bermaksud menunjuk rasa simpati kepada si mati. Semua isi rumah akan menangis dan memukul benda-benda seperti gong, tajau dan seumpamanya. Ini bertujuan menunjukkan rasa geram kepada iblis yang menyebabkan kematian si mati.

Waris si mati akan menyembelih kerbau pada hari pengkebumian sebagai satu penghormatan kepada si mati. Daging kerbau dimasak dan dijamu kepada jemputan yang hadir. Tanduk kerbau berkenaan akan disangkut pada kayu nisan kubur si mati.

## 3. Pantang larang

Mayat yang terlantar hendaklah dijaga supaya tidak dilangkahi oleh

kucing. Menurut kepercayaan orang Kadazan, mayat yang dilangkahi kucing akan menjelma sebagai raksasa yang dahsyat dan berbahaya.


## 4. Mengusung mayat ke kubur

Terlebih dahulu mayat dibungkus dengan kain dan diikat pada sebatang kayu untuk mudah diangkat. Mayat itu kemudiannya diusung beramai-ramai ke kubur dengan diiringi oleh paluan gendang, gong dan letupan mercun dan senapang. Bagi orang Kadazan yang kaya, mayat dimasukkan ke dalam tajau yang besar sebelum ditanam.

Sebelum ditanam, mayat dijampi oleh seorang tua yang ditugaskan. Lubang kubur dialas dengan daun pisang yang hijau untuk mengelak semangat orang yang turut serta tertinggal di dalam lubang tersebut.

Setelah mayat itu dihulurkan ke dalam lubang, sebatang kayu beringin diletakkan secara menegak di atas pusat mayat sebelum ditimbuk dengan tanah dan diratakan.

Ini bertujuan untuk melihat sama ada si mati ingat kepada keluarga yang ditinggalkan atau pun tidak. Sekiranya kayu itu bertunas, bermakna si mati masih mengingati keluarga yang ditinggalkan. Sekiranya tidak, bermakna mereka telah dilupai.



Daun pokok pisang dibuat alas.

## 5. Makanan si mati

Sebuah pondok beratap daun dan berdinding papan yang berukir cantik akan didirikan di atas kubur. Di tengah-tengah pondok diletakkan pakaian, sirih, pinang dan rokok. Tiap-tiap petang selama tujuh hari, keluarga si mati dikehendaki menghantar makanan kepada si mati. Mereka percaya bahawa roh si mati masih belum keluar dan masih mengharap supaya diberi makanan.

Sesiapa yang mengganggu atau mencuri barang makanan itu akan dikenakan sogit (denda) seekor ayam dan wang sebanyak RM5.

## 6. Petanda-petanda semasa pengkebumian

Sekiranya semasa upacara pengkebumian hujan turun dengan lebat, memberi alamat bahawa si mati dalam kesedihan. Air hujan

diibaratkan sebagai air mata si mati. Si mati dikatakan dalam kegembiraan sekiranya cuaca dalam keadaan panas terik.

## 7. Peraturan selepas pengkebumian

Setiap orang yang membantu dalam kerja pengkebumian mayat akan menerima sehelai sapu tangan, selembar benang merah dan daging kerbau atau sapi sebagai tanda mata. Apabila mereka pulang ke rumah, mereka dilarang terus naik ke rumah kecuali mandi terlebih dahulu. Pakaian yang dipakai dalam upacara pengkebumian itu hendaklah direndam semalam.

Sebarang peralatan yang dipinjam daripada orang lain untuk kegunaan di rumah si mati akan dikembalikan dengan disertai seekor ayam hitam atau putih. Semua barang yang ada dalam rumah si mati hendaklah dibersihkan.

## 8. Selepas tiga atau tujuh hari


Setelah tiga atau tujuh hari dikebumikan, satu kenduri kecil-kecilan diadakan yang dihadiri oleh saudara-mara terdekat. *Pupus salang ketiga* diadakan iaitu menitiskan tiga titis lilin ke bawah rumah melalui celah-celah lantai sebanyak tiga atau tujuh kali bergantung kepada hari kenduri.

## **9. Selepas empat puluh hari**

Kenduri diadakan pada waktu tengah hari dan malam selepas 40 hari mayat dikebumikan. Hidangan akan disediakan pada waktu tengah hari seperti nasi, daging dan buah-buahan. Seorang budak iaitu anak si mati akan pergi ke kubur untuk menjemput si mati makan. Jamuan dimulakan sebaik sahaja budak itu kembali.

Pada waktu malamnya pula, gong dan gendang dipalu. Satu hidangan diletakkan di tengah-tengah pintu dengan sirih pinang dan dua batang lilin yang dipasang.

Seorang perempuan tua akan memberi isyarat supaya gong dan gendang dipalu. Anak-anak si mati mula menari tarian sumazau



Buah pinang

mengelilingi hidangan berkenaan dan diikuti oleh saudara-mara yang lain. Selepas itu, barulah hidangan diedarkan.

## **10. Selepas seratus hari**

Satu lagi kenduri diadakan selepas seratus hari. Kenduri ini lebih besar daripada kenduri sebelumnya. Seekor kerbau dan beberapa ekor ayam disembelih. Kenduri ini diadakan sebagai adat penukaran pakaian putih yang dipakai khas oleh keluarga si mati sempena kematian dan menggunting rambut yang dibiarkan panjang selama seratus hari.


Pakaian putih itu, sebaik sahaja dibuka hendaklah dibakar. Semua keluarga bebas memakai pakaian yang disukai. Ini bertujuan segala kotoran dan bala akan terhapus daripada tubuh mereka.

## **11. Selepas tiga tahun**

Kenduri dilakukan lagi setelah tiga tahun iaitu kenduri yang terakhir dan diadakan dengan amat meriah sebagai kenduri untuk kenangan-kenangan. Bahan-bahan adalah tujuh ekor ikan pari, tujuh ekor ikan yu, tujuh tandan pisang, empat belas ekor ikan, satu tempayan arak, tiga tempayan tapai, tiga puluh gantang kuih kelupis (dibuat daripada pulut) dan seekor kerbau.

Kenduri ini dimulakan pada pukul lapan malam. Sebanyak tujuh talam disediakan dan setiap satunya berisi 30 biji kuih kelupis, seekor ikan yu, seekor ikan pari dan dua sikit pisang. Di tengah-tengah talam dicacak sebatang lilin. Seorang *pengupeh* (perempuan tua) duduk dipintu dengan memegang sebilah pedang yang hujungnya dipasang lilin.

*Pengupeh* akan menjampi dan memanggil hantu supaya makan. Dia akan mengambil tiap-tiap satu jenis makanan dalam setiap talam dan dimasukkan ke dalam tempurung untuk diletak pada pangkal tangga dengan harapan keluarga si mati tidak akan diganggu oleh hantu.



Tempurung

Apabila *pengupeh* naik semula ke rumah, gendang dibunyikan, dan diikuti dengan tarian Sumazau, dimulai oleh seorang lelaki ketua rumah berkenaan. Tarian ini diikuti oleh *pengupeh*. Tari-menari ini diikuti pula oleh semua sanak-saudara si mati dan para hadirin.

Selain itu, diadakan juga *bobogoh* iaitu perlawanan berbalas pantun yang masing-masing diketuai oleh seorang lelaki yang telah lanjut usia. Sesiapa yang gagal menjawab pantun akan didenda dengan meminum secawan arak dalam satu nafas.

Pagi esoknya, semua hidangan diangkat kecuali yang terletak di tengah-tengah pintu. Hidangan ini diletakkan dalam talam tembaga yang berisi sirih pinang dan rokok daun sahaja.

Pada malam berikutnya, temasya diteruskan lagi dengan tarian Sumazau. Tarian dimulakan oleh seorang lelaki yang dianggap handal memulakan tarian dan dikelilingi tujuh orang gadis. Kemudian barulah diikuti oleh yang lain secara bergilir-gilir.

## 12. Roh orang mati

Orang Kadazan yang tidak beragama percaya bahawa apabila meninggal dunia, roh mereka akan menetap di puncak Gunung Kinabalu buat selama-lamanya.

## KESIMPULAN

Sebagai suku kaum terbesar yang menetap di Sabah, orang Kadazan sentiasa menjadi perhatian para penggemar budaya. Tarian Sumazau amat popular di kalangan para pelancong yang mengunjungi Sabah.

Orang Kadazan juga mempunyai adat kebudayaan dan bahasa mereka yang tersendiri. Mereka mempunyai semangat perpaduan yang amat kukuh yang didasarkan kepada kepercayaan mereka terhadap sesuatu perkara.

Walaupun banyak unsur pemodenan telah menyerap ke dalam kehidupan mereka, namun ciri-ciri kebudayaan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka masih kekal terpelihara. Adat istiadat dan upacara tertentu masih terus diamalkan. Ini merupakan faktor pendorong yang menjadikan kaum Kadazan sebagai kaum yang amat popular dan unik.

Semua ini dapat membantu memperkayakan lagi khazanah dan warisan seni budaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum.